



32

## MAJLIS BANDARAYA IPOH

### ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2014

Rujukan : Bil (32) dlm.MBI.B1/12/1/12

Jabatan Kewangan  
Majlis Bandaraya Ipoh

6 Februari 2014

Y. Bhg. Dato' Setiausaha Bandaraya /  
Timbalan-Timbalan Setiausaha Bandaraya  
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit  
Majlis Bandaraya Ipoh

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

#### **KEPERLUAN KAJIAN PASARAN DILAKSANAKAN DAN PENYEDIAAN ANGGARAN JABATAN DALAM PEROLEHAN MAJLIS**

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak Y. Bhg. Dato'/tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan teguran audit dalam Pengauditan Prestasi Pengurusan Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan baru-baru ini mendapati terdapat perolehan-perolehan Majlis yang dibuat tanpa melaksanakan 'Kajian Pasaran' dan Anggaran Jabatan terlebih dahulu.
3. Sebagai pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan 169 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 12 Tahun 2007, Jabatan/Bahagian/Unit perlu melaksanakan Kajian Pasaran yang berpatutan dengan mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan dalam setiap perolehan yang dibuat dan menyediakan Anggaran Jabatan berdasarkan hasil kajian yang telah dilaksanakan.
4. Perlaksanaan Kajian Pasaran ini adalah bagi memastikan harga bekalan/kerja/perkhidmatan yang diperolehi berpatutan dan menguntungkan Majlis di samping memastikan perolehan tidak tertumpu kepada pembekal tertentu selaras dengan prinsip-prinsip perolehan.
5. Ketua Jabatan/Bahagian/Unit perlu memastikan harga bagi perolehan yang dibuat mencerminkan harga sebenar bekalan/kerja/perkhidmatan dan usaha memanipulasi harga di antara item-item atau bahagian-bahagian dalam Senarai Kuantiti ("BQ") adalah ditegah.

## ARAHAN KEWANGAN BIL. 02/2014

### KEPERLUAN KAJIAN PASARAN DILAKSANAKAN DAN PENYEDIAAN ANGGARAN JABATAN DALAM PEROLEHAN MAJLIS

6. Adalah diharapkan dengan makluman, pemantauan dan peranan yang berterusan dari masa ke semasa oleh semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit, Majlis dapat mencapai pematuhan sepenuhnya kepada Arahan Perbendaharaan ("AP"): Bab B (III) – Tatacara Perolehan Bekalan, Perkhidmatan dan Kerja dan melaksanakan perolehan secara berhemah dan telus.


7. Pelaksanaan Arahan Kewangan ini adalah **berkuatkuasa serta merta**.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

**"KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI"**

Saya yang menurut perintah,

  
(DATO' HARUN BIN RAWI)  
Datuk Bandar Ipoh



**"KONTINUITI INOVASI MELESTARI INSANI BERVISI"**